



Belanjawan 2021 akan perkukuh belia – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 02 OGOS 2020



KUALA LUMPUR, 2 Ogos – Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk memperkukuh golongan belia supaya lebih berjaya termasuk dari segi pendidikan menerusi Belanjawan 2021, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Belanjawan tersebut dijadual dibentangkan pada 6 November ini.

Menurutnya, selain menjadi penyumbang utama terhadap hala tuju pembangunan negara, belia juga merupakan kumpulan paling ramai membantu masyarakat yang terkesan ketika pandemik COVID-19 melanda negara.

Malah, katanya, kerajaan juga menyedari bahawa belia memerlukan sokongan dari segi pendidikan awam yang baik serta ekonomi yang dapat memberi mereka peluang untuk berdikari serta berjaya.

"Peluang perlu disediakan untuk semua, sama ada yang berkelulusan akademik atau vokasional. Semua ini akan diperincikan semasa penyediaan Belanjawan 2021.

"Sehubungan itu, saya ingin menjemput seluruh rakyat termasuk belia untuk berkongsi idea dan cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk Belanjawan 2021 dan boleh diemelkan terus kepada kementerian di bt2021@treasury.gov.my," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Wawancara Fellow Perdana bertajuk 'Belia : Ekonomi & Masa Depan Negara' terbitan Kementerian Kewangan dengan kerjasama Bernama TV, hari ini.



"Ilmu kewangan amat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan masing-masing. Oleh itu, saya memang galakkan belia untuk menimba ilmu dalam bidang itu," katanya.

[Bernama](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGKU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)